

Inovasi Pencetus Perubahan Zaman

Inovasi didefinisikan sebagai cetusan idea-idea kreatif dan baru dalam semua aspek kerja untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti dan berterusan dalam apa jua perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan rakyat. Umum mengetahui, budaya inovasi dipupuk dalam kehidupan seharian terutamanya dalam sektor awam sebagai satu usaha melonjakkan reputasi negara Malaysia ke puncak dalam usaha membuka mata dunia akan kehebatan negara Malaysia yang mampu berdiri teguh dalam menghadapi sebarang bentuk cabaran dunia yang mendatang khususnya cabaran persekitaran ekonomi. Hal ini penting dalam usaha mengejar impian negara untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi selari dengan misi Wawasan 2020 yang telah digariskan oleh pihak kerajaan dalam tempoh masa yang ditetapkan demi kesejahteraan rakyat dan negara sejagat.

Inovasi dan kreativiti adalah fokus utama kerajaan dalam usaha menuju ke arah negara maju dan rakyat berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pendek kata, inovasi merupakan asas kepada pertumbuhan dan kemajuan negara. Pelbagai program yang telah dirangka dan dilaksanakan bagi membudayakan inovasi di peringkat sektor awam menandakan kepentingan budaya inovasi dalam mendukung agenda transformasi sektor awam. Oleh yang demikian, pelbagai landasan disediakan bagi mengiktiraf hasil inovasi yang ditengahkan oleh individu atau kumpulan di sektor awam.

Telah banyak kejayaan yang telah dikecapi oleh masyarakat masa kini hasil dari pemikiran yang kreatif oleh penyelidik terdahulu dalam menghasilkan produktiviti yang lebih efisien dengan menggunakan bahan yang jauh lebih menjimatkan kos dan ruang. Contohnya, hasil kajian dari sektor pertanian telah menghasilkan satu kaedah penanaman sayur terbaharu iaitu kaedah tanaman hidroponik. Tanaman ini ditanam tanpa menggunakan tanah. Dengan kaedah teknologi terbaru ini, ia telah merubah landskap pertanian negara bukan sahaja menjimatkan ruang dan kos, tetapi menghasilkan pengeluaran sayur berkualiti.

Selain itu, pembangunan di dalam dunia digital juga telah menerima impak yang besar hasil daripada inovasi yang berterusan dari masa ke semasa terutamanya pembangunan digital dalam sektor perkhidmatan awam, apa dapat kita lihat pada masa kini masyarakat setempat lebih mudah berurusan dengan jabatan kerajaan dengan menguna pelayaran internet untuk sebarang urusan rasmi tanpa perlu hadir ke jabatan tersebut. Hasil daripada teknologi yang lebih canggih hasil dari pemikiran yang kritis dan berinovasi telah menyebabkan masyarakat lebih dekat dengan kerajaan masa kini, dan memudahkan penyampaian maklumat lebih efisien terus kepada masyarakat melalui media massa.

Budaya inovasi bermula dengan pemerhatian ke atas proses kerja dan ilham untuk menambah baik melalui inovasi dan kreativiti. Ia dapat melahirkan kekuatan dan tunjang kepada kejayaan sesebuah organisasi. Setiap manusia dikurniakan tahap inovasi yang berbeza-beza dan tahap inovasi seseorang individu itu mungkin bergantung kepada pengalaman, pendedahan, kebijaksanaan atau kepekaan mereka menilai persekitaran. Seseorang yang sangat peka kepada persekitaran sama ada dalam lingkungan kehidupan masyarakatnya atau yang lebih global akan dapat menghasilkan inovasi yang lebih baik. Minat terhadap inovasi hendaklah dipupuk dan perlu diambil perhatian oleh semua peringkat masyarakat sama ada dalam kalangan pentadbir, penyelidik, usahawan, pendidik, petani mahupun pelajar. Menyedari kepentingan inovasi terkini dalam kehidupan seharian, membudayakan inovasi dalam kalangan generasi muda perlu dilakukan seawal usia.

Kreativiti merupakan proses yang boleh dibangunkan, dipertingkatkan dan diperbaiki dalam diri seseorang. Setiap orang mempunyai tahap kreativiti yang tersendiri dan adalah tidak benar jika terdapat tanggapan bahawa mereka dilahirkan untuk menjadi seorang kreatif (*born to be creative person*). Seseorang individu dibesarkan dan dididik dalam persekitaran yang menggalakkan mereka untuk membangunkan kreativiti dimana mereka diajar untuk berfikir dan berkelakuan ke arah yang kreatif. Bagi individu lain mungkin sukar kerana mereka tidak diperkukuhkan secara positif ke arah sesuatu yang kreatif. Kreativiti bukan satu yang pelik atau bukan bakat yang terletak pada sesetengah golongan sahaja tetapi adalah

cara pandangan, pemerhatian atau pemikiran yang tersendiri dan berbeza yang selalunya di luar kebiasaan atau batasan logik.

Bagi mewujudkan inovasi dan kreativiti dalam setiap organisasi, ia perlu dipupuk dengan acuan yang tersendiri dan mengikut strategi-strategi yang betul. Kakitangan dalam sesebuah organisasi perlulah berfikir kritis dan konstruktif dalam melaksanakan tanggungjawab dengan mencari penyelesaian yang kreatif dan inovatif, sehingga menjangkau pemikiran dan keberanian untuk bereksperimen dengan menggunakan kaedah kerja baru, di luar kotak manusia. Justeru, budaya inovatif harus menjadi agenda penting nasional dalam menghasilkan perubahan kepada Malaysia.

Strategi kedua dengan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan dengan barisan hadapan yang lebih berinovatif, yang selaras dengan matlamat program transformasi bagi mewujudkan enjin baru untuk melaksanakan perubahan dan membina momentum dalam menyampaikan hasrat besar kepada rakyat dengan segera.

Strategi ketiga ialah penyuburan nilai-nilai inovasi dan kreativiti dalam persekitaran dan budaya kerja dalam organisasi. Perubahan sikap bagi memupuk budaya inovasi dan kreativiti di dalam organisasi perlu bermula daripada pucuk kepimpinan atasan sehingga ke pucuk pimpinan bawahan. Pihak pengurusan organisasi mesti berjiwa kreatif dan inovatif mencuba perkara baru, bagi memastikan nilai-nilai kreativiti dan inovasi benar-benar dihayati dan menjadi budaya kerja sekalian anggota di dalam organisasinya.

Strategi keempat, untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif seseorang itu perlu berkemahiran dan berilmu pengetahuan. Budaya pembelajaran seperti membaca, berbincang, membuat penyelidikan, berkursus, berseminar, melanjutkan pelajaran dan penganjuran berbagai-bagai majlis ilmu yang melibatkan anggota organisasi, perlu terus dipupuk dan dikembangkan kerana ia akan menjadi sumber kepada cetusan idea kreatif dan inovatif pekerja.

Strategi terakhir ialah dengan melaksanakan pelbagai aktiviti bagi pembudayaan inovasi, menggalakkan penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi memberi ruang dan peluang kepada anggota organisasi, untuk menyuarakan sesuatu bagi menyelesaikan sebarang permasalahan kerja atau cadangan inovasi yang dapat meningkatkan lagi produktiviti dalam penyampaian perkhidmatan organisasi tersebut.

Persekitaran dan budaya kerja di dalam organisasi perlu mendorong kepada penyuburan nilai-nilai inovasi dan kreativiti. Perubahan sikap bagi memupuk budaya inovasi dan kreativiti di dalam organisasi perlu bermula daripada pucuk kepimpinan atasan. Pihak pengurusan organisasi perlu berjiwa kreatif dan inovatif bagi memastikan nilai-nilai kreativiti dan inovasi benar-benar dihayati dan menjadi budaya kerja sekalian anggota di dalam organisasinya.

Menurut Roffe (1999), sesebuah organisasi yang mempunyai komitmen dan penglibatan menyeluruh daripada pihak pengurusan atasan akan dapat menyuburkan iklim dan suasana kreatif di dalam organisasi. Gaya pengurusan dalam kepimpinan sesebuah organisasi banyak mempengaruhi perkembangan kreativiti dan inovasi di kalangan anggota organisasi.

Gaya pengurusan yang terlalu autokratik secara umumnya tidak menggalakkan bagi penyuburan idea, berbanding gaya pengurusan yang bersifat demokratik yang kebanyakan keputusan dibuat secara kompromi dan konsensus ramai. Para pekerja menjadi berani untuk mengeluarkan idea bagi membangunkan organisasinya. Lebih-lebih lagi sekiranya penghargaan diberikan kepada pekerja yang dapat memberikan sumbangan idea dan pemikiran yang bernas.

Menurut Mohd. Azhar Abd. Hamid (2004), gaya pengurusan autokratik dan kurang memberi penekanan kepada komunikasi dua hala akan mengakibatkan persekitaran dan 'mood' pekerja menurun. Kesannya produktiviti atau penghasilan kerja oleh pekerja tidak mencapai objektif yang disasarkan. Apabila pekerja merasai kehadiran mereka tidak dihargai, maka akan mengakibatkan mereka tidak bersemangat

melaksanakan kerja yang dipertanggungjawabkan. Keadaan seperti ini biasa berlaku dalam mana-mana organisasi.

Dorongan dan sokongan bagi berkreatif dan berinovatif yang diberikan oleh pihak pengurusan atasan terhadap pekerjaannya menyebabkan mereka merasai diri diperlukan oleh organisasi. Dalam konteks kreativiti dan inovasi, gaya pengurusan yang terlalu autokratik perlu diminimumkan agar wujud suasana yang kondusif untuk berkreatif. Gaya pengurusan demokratik perlu menjadi amalan kerana ia dapat merangsang pertumbuhan budaya inovasi dan kreativiti di dalam organisasi.

Birokrasi ada dinyatakan sebagai mendatangkan kesan yang negatif kepada persekitaran yang kreatif. Birokrasi wujud apabila setiap proses dan prosedur perlu mengikut peraturan protokol dan arahan kerja yang telah digariskan. Langkah demi langkah mesti dipatuhi sehinggakan tiada ruang untuk berkeaktiviti. Menurut pemikiran lateral yang diciptakan oleh Edward de Bono, alternatif-alternatif baru perlu sentiasa dicari. Tujuan terakhir bagi pemikiran lateral bukanlah untuk menilai sama ada salah ataupun betul, tetapi untuk menerbitkan idea-idea, pendekatan dan sudut pandangan baru dengan menolak idea-idea yang agak lapuk.

Ruang dan peluang perlu diberi oleh pihak pengurusan atasan kepada para pekerja untuk menyumbangkan idea kreatif. Dalam konteks hubungan majikan-pekerja, majikan perlu menyuburkan semangat untuk berkreatif dikalangan pekerjaannya, disamping membanteras kekangan mental yang berlaku dikalangan anggota organisasi yang menjadi halangan kepada proses pemikiran kreatif seperti takut gagal, takut dikritik, takut mengambil risiko dan sebagainya.

Organisasi pembelajaran memainkan peranan penting dalam merangsangkan kreativiti dikalangan individu di dalam organisasi. Pembelajaran berterusan mestilah dipupuk dan dikembangkan untuk membina organisasi pembelajaran. Untuk menjadi kreatif dan inovatif seseorang itu perlu berkemahiran dan berilmu pengetahuan. Budaya pembelajaran seperti membaca, berbincang, membuat penyelidikan, berkursus, berseminar, melanjutkan pelajaran dan penganjuran pelbagai majlis ilmu

yang melibatkan anggota organisasi perlu terus dipupuk dan dikembangkan kerana ia menjadi sumber kepada cetusan idea kreatif dan inovatif.

Jabatan atau agensi kerajaan perlu merancang dan seterusnya melaksanakan berbagai-bagai aktiviti bagi pembudayaan inovasi, umpamanya dengan menggalakkan penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi memberi ruang dan peluang kepada anggota organisasi menyuarakan sesuatu cadangan bagi menyelesaikan masalah kerja ataupun mengemukakan cadangan inovasi yang dapat meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan.

Pelbagai mekanisme perlu diwujudkan untuk menggalakkan anggota organisasi mengemukakan idea kreatif dan inovatif yang boleh memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan. Lebih banyak program mendekati masyarakat perlu dilaksanakan bagi membolehkan rakyat mengemukakan aduan, input, cadangan inovasi atau sebarang cadangan bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan.

Sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat perlu lebih kreatif dan inovatif supaya perkhidmatan yang diberikan bersifat melangkaui kebiasaan iaitu memberi perkhidmatan yang lebih daripada kebiasaan dan melangkai jangkaan pelanggan. Antaranya, perkhidmatan hendaklah lebih cepat, cekap dan berkesan yang mampu memberi kesan positif kepada pelanggan, dan pelanggan bukan sahaja berpuas hati, tetapi merasa seronok dan gembira dengan perkhidmatan yang diberikan.

Kesimpulannya, usaha-usaha yang yang dirancang perlu dilaksanakan bagi mengembangkan budaya inovasi dan kreatif dalam perkhidmatan awam selaras dengan aspirasi kerajaan iaitu agenda transformasi negara perlu berpaksikan inovasi dan kreativiti yang boleh meningkatkan imej jabatan.